



# KOLEJ POLY-TECH MARA

## KENYATAAN SEBUT HARGA



1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputra yang berpengalaman,berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DALAMAN DATARAN KEPADA ARAS 2 (UNIT 4 & 5), ARAS 3 & 4 (UNIT 3,4 & 5) DAN ARAS 5 (UNIT 5, 6 & 7) KEDAI PEJABAT SEDIAADA DI DATARAN SHAMELIN, JALAN 4/91, TAMAN SHAMELIN PERKASA, 56100 CHERAS KUALA LUMPUR

| NO. SEBUT HARGA  | KOD BIDANG                                                                                                                                                                                                     | TARIKH PELAWAAN                   | TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT                                                                                                                               | HARGA DOKUMEN | TARIKH TUTUP SEBUT HARGA                                                         |
|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| KPTM/SH/UP/02/25 | Mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor seperti berikut:<br><br>CIDB:<br>Gred G3<br><br>Kategori :<br>B04- Kerja am Bangunan /<br><br>B24- Kerja Penyelenggaraan Bangunan /<br><br>B28- Kerja Ubahsuai | 4/09/2025<br>Hingga<br>23/09/2025 | <b>Tarikh:</b><br>4/09/2025<br>(Khamis)<br><br><b>Masa:</b><br>10.30 Pagi<br><br><b>Tempat:</b><br>Dewan Mawar<br>Aras 4<br>Kolej Poly-Tech MARA Ibu Pejabat | RM50.00       | <b>Tarikh</b><br>24/09/2025<br>(Rabu)<br><br><b>Sebelum</b><br>12.00 tengah hari |

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan menghadiri sesi taklimat.
  - i. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB).
  - ii. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
3. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan KPTMSB semasa menghadiri taklimat. KPTMSB berhak menolak permohonan yang pada tanggapan KPTMSB adalah tidak layak.
4. Dokumen boleh didapati pada waktu pejabat seperti di jadual di Para 1 yang beralamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan diedarkan selepas tempoh tersebut.
5. Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat seperti alamat di atas. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh KPTMSB semasa menghadiri taklimat.
6. Semua kos berkaitan dengan tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. KPTMSB tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. KPTMSB berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. **Dokumen** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No.Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH KANAN  
JABATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ASET  
ARAS 4 IBU PEJABAT KOLEJ POLY-TECH MARA  
JALAN 7/91 TAMAN SHAMELIN PERKASA,  
56100 CHERAS, KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga tidak akan diterima dan ditolak.